

**NO. SOALAN: 217**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING**

**RUJUKAN : 8725**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci apakah sebab program PATI diswastakan dan berapakah jumlah hasil yang akan dibayar kepada Kerajaan oleh 5 syarikat swasta yang dilantik untuk mengendalikan program penggajian dan penempatan semula pekerja asing (PATI).**

## **JAWAPAN:**

Untuk makluman, Program Penggajian dan Penempatan Semula Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau Program *Rehiring* telah dilaksanakan secara atas talian bermula pada 15 Februari 2016. Penglibatan tiga syarikat yang dilantik untuk membantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi menguruskan PATI yang berdaftar dibawah Program *Rehiring* adalah berdasarkan pengalaman (*track record*) syarikat-syarikat dalam menguruskan perkhidmatan melibatkan pekerja asing serta Program Penghantaran Pulang PATI Secara Sukarela (Program 3+1). Peranan syarikat-syarikat yang dilantik adalah terhad kepada skop kerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia sahaja manakala pelaksanaan secara keseluruhan Program *Rehiring* adalah diterajui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan JIM.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan baru-baru ini juga telah bersetuju agar JIM membuka kaunter-kaunter proses pendaftaran Program *Rehiring* di Ibu Pejabat Imigresen Putrajaya, semua Pejabat-pejabat Imigresen Negeri termasuk Pejabat-pejabat Imigresen di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di seluruh negara. Inisiatif ini adalah bagi menggalakkan lebih ramai PATI dan majikan tampil untuk menyertai Program ini.

Untuk makluman juga, Kerajaan telah mengenakan bayaran kepada PATI dan Majikan bagi program ini seperti Levi,

**kompaun atas majikan, kompaun atas pekerja, pas khas, Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) serta fi proses. Anggaran hasil Kerajaan bagi Program *Rehiring* berdasarkan pengiraan pendaftaran PATI.**

**Perincian bayaran yang dikenakan kepada setiap Majikan dan PATI adalah seperti berikut:**

<b>BAYARAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>Levi</b>	<b>Mengikut Kategori ( 1850.00 / 640.00 )</b>
<b>Caj Perkhidmatan</b>	<b>1200.00</b>
<b>Kompaun atas Majikan</b>	<b>500.00</b>
<b>Kompaun atas Pekerja</b>	<b>300.00</b>
<b>Pas Khas</b>	<b>100.00</b>
<b>Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS)</b>	<b>60.00</b>
<b>Proses</b>	<b>125.00</b>